

12 FEB 2001

Pandithan-Drama

PANDITHAN SANGKAL DAKWAAN BAHAWA REFERENDUM IPF SEBAGAI SEBUAH DRAMA

KUALA LUMPUR, 12 Feb (Bernama) -- Presiden Parti Kemajuan India seMalaysia (IPF) Datuk M.G Pandithan berkata adalah sesuatu yang "menyedihkan" bahawa suara parti itu semalam dalam memutuskan masa depannya ditafsirkan sebagai sebuah drama yang dipentaskan.

"Ia bukan sebuah drama ... Mengapa mempersoalkan integriti dan kebijaksanaan politik para perwakilan?" katanya sebagai merujuk kepada kenyataan Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu mengenai keputusan referendum itu.

Sambil menyifatkan keputusan itu sebagai "drama yang dipentaskan" oleh Pandithan, Samy Vellu dilaporkan sebagai berkata bahawa beliau tidak terkejut dengan keputusan IPF tidak menerima pelawaan untuk menyertai MIC.

Seramai 2,950 perwakilan IPF mengundi menolak tawaran daripada kedua-dua MIC dan Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP). MIC dan PPP adalah parti komponen Barisan Nasional (BN).

Pandithan berkata beliau mahukan perwakilan parti itu membuat keputusan mengenai masa depan IPF kerana beliau mengetahui "perasaan sebenar mereka".

"Saya boleh membuat keputusan tetapi saya bimbang ia mungkin tindakan yang salah... Perwakilan memilihnya secara demokratik," katanya kepada Bernama hari ini.

Beliau menyangkal dakwaan bahawa keputusan itu telah dirancang sambil berkata bahawa beliau tidak mampu memujuk keseluruhan perwakilan.

Pandithan sendiri tidak mengundi.

Hanya dua perwakilan berpendapat parti itu patut menerima tawaran, satu memilih MIC dan seorang lagi memilih PPP.

"Saya juga boleh berkata bahawa tawaran Samy Vellu untuk saya menganggotai semula MIC merupakan gimik politik tetapi saya menghormati jemputan beliau...".

"Pada masa yang sama saya mahu tahu apa yang difikirkan oleh anggota parti saya, sama ada mereka mahu saya memimpin mereka," katanya.

Ditanya sama ada peluang IPF untuk menyertai BN sudah tertutup, Pandithan berkata beliau tidak berpendapat demikian.

"Menyertai MIC sudah ditutup tetapi menyertai BN belum lagi," katanya.

Pandithan berkata beliau akan menulis surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi BN bagi menjelaskan mengenai keputusan perhimpunan agung parti semalam serta mandat untuk terus berjuang untuk menjadi parti komponen BN.

-- BERNAMA
AZZ MAM LAT